

Kebolehpasaran Graduan Wanita FKEE UTHM dalam Pemilihan Kerjaya

The Employability of Female Graduates from FKEE UTHM in Career Selection

Safawati Endut^{1*}

¹ *Fakulti Teknik dan Vokasional*

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400 Johor MALAYSIA

*Corresponding Author: safawatiendut@yahoo.com.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2025.05.01.007>

Maklumat Artikel

Diserah: 21 Februari 2025

Diterima: 23 Jun 2025

Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

wanita, kejuruteraan, pemilihan kerjaya

Abstrak

Bidang kejuruteraan sering dikaitkan dengan golongan lelaki dan menjadikan wanita sebagai golongan minoriti dalam bidang ini. Banyak pusat-pusat pengajian tinggi yang membuka peluang pengajian dalam bidang kejuruteraan kepada golongan wanita dan menjadikan golongan ini seiring dengan jumlah golongan lelaki dengan kemajuan era baru masa kini. Namun begitu, tahap kebolehpasaran dalam bidang ini bagi golongan wanita sering dipertikaikan kerana banyak faktor. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kebolehpasaran graduan Wanita di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UTHM dalam pemilihan Kerjaya kerana terdapat hampir 50% graduan Wanita yang tidak bekerja dalam bidang pengajian masing-masing. Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan borang soal selidik disebarkan secara atas talian untuk mendapatkan data kajian. Seramai 196 graduan wanita yang memberi maklum balas terhadap soal selidik tersebut. Data kajian tersebut dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 27.0 seperti analisis deskriptif, skor min, sisihan piawai, analisis inferensi, peratusan, ujian regrasi dan T-test. Dapatan kajian ini menunjukkan sokongan keluarga dan lokasi tempat kerja memainkan peranan besar dalam keputusan pemilihan kerja kepada graduan wanita. Ini diikuti dengan kesan pengaruh yang sederhana iaitu pencapaian akademik manakala jangkaan gaji tidak selari dengan tugas adalah faktor yang paling lemah dalam pemilihan kerjaya mereka.

Keywords

woman, Engineering, Career Choice

Abstract

The field of engineering is often associated with men and makes women a minority in this field. Many higher education centers are opening up study opportunities in the field of engineering to women and making this group in line with the number of men with the progress of the new era. However, the level of marketability in this field for women is often disputed due to many factors. This study aims to examine the level of marketability of female graduates at UTHM's Faculty of Electrical and Electronics

Engineering in career selection because there are almost 50% of female graduates who do not work in their respective fields of study. The design of this study is in the form of a survey using a quantitative approach and questionnaires are distributed online to obtain research data. A total of 196 female graduates responded to the questionnaire. The data of the study was analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 27.0 such as descriptive analysis, mean score, standard deviation, inference analysis, percentage, regression test and T-test. The findings of this study show that family support and workplace location play a large role in job selection decisions for female graduates. This is followed by a moderate influence effect which is academic achievement while salary expectation not in line with the job is the weakest factor in their career choice.

1. Pendahuluan

Wanita dan suri rumah adalah 2 perkara yang tidak dapat dipisahkan pada zaman dahulu. Namun begitu pandangan tersebut mengalami perubahan selari dengan 67 tahun negara mencapai kemerdekaan, manusia yang bergelar wanita pada hari ini adalah sebahagian dari penyumbang yang utama dalam sesebuah institusi kekeluargaan sekaligus membantu dalam mencapai status negara maju selaras dengan perkembangan ekonomi masa kini. Pencapaian wanita dalam bidang pendidikan mendorong golongan ini membentuk kerjaya dalam bidang samada professional mahupun tenaga mahir. Kepelbagaian tahap pendidikan wanita masa kini sama-sama berperanan dalam mengukuhkan ekonomi dalam sesebuah kekeluargaan. Golongan wanita kini semakin mendapat tempat di sektor yang didominasi lelaki seperti bidang kejuruteraan, yang melibatkan sektor-sektor awam, masyarakat dan sosial. Walaupun keterlibatan wanita dalam bidang pekerjaan adalah satu perkembangan yang positif yang telah menyumbang kepada pembangunan dalam pelbagai sektor dalam negara, peningkatan dalam penglibatan wanita bagi sektor pekerjaan telah membawa kepada masalah-masalah yang telah dihadapi oleh mereka dalam kehidupan seharian (Wahid & Athoillah 2024). Antara cabaran dan masalah yang sering dihadapi oleh golongan ini adalah apabila melibatkan tugas dalam pengurusan rumah tangga yang biasanya dijadikan sebagai satu amalan dan budaya yang dilihat sesuai dengan tanggungjawab yang diberikan kepada wanita (Salem, et. Al, 2018). Oleh itu, peranan yang dimainkan itu melibatkan dua tanggungjawab yang penting dalam membentuk keharmonian dalam rumahtangga. Wanita menghadapi lebih banyak cabaran berbanding lelaki dalam mengimbangi kerja dan kehidupan kerana mereka mempunyai dua tanggungjawab penting terhadap keluarga mereka, serta memenuhi tanggungjawab rumah, yang sering menghalang kemajuan kerjaya mereka. (Mazerolle & Barrett; 2018).

2. Metodologi

Ketidaksepadanan antara kemahiran dan kelayakan graduan dan peluang pekerjaan menjadi isu yang dibincangkan secara meluas di seluruh negara. Institusi menyediakan pelbagai program tetapi bagi sesetengah berpendapat bahawa pengajian tinggi tidak memenuhi keperluan pasaran kerja semasa seiring dengan kemajuan yang dibawa oleh era digital dan revolusi industri 4.0 (IR4.0). Kebolehpasaran dalam bidang kemahiran ini juga banyak dikaitkan dengan graduan wanita terutamanya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Kebiasaannya, kemahiran TVET melibatkan bidang kejuruteraan yang biasanya didominasi oleh golongan lelaki dan menjadikan kebolehpasaran bagi golongan wanita adalah sangat rendah. Oleh yang demikian, menerusi bab ini akan menumpukan kepada kebolehpasaran graduan wanita kejuruteraan dalam pemilihan kerjaya mereka serta faktor yang mempengaruhi tahap kebolehpasaran tersebut.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Noraziyat, Mohd Yusri dan Raris (2018), faktor pencapaian akademik banyak mempengaruhi graduan wanita kejuruteraan dalam pemilihan kerjaya. Ini disokong oleh teori Ginzberg, et. al., 1966 yang mengatakan bahawa pemilihan kerjaya bukanlah satu ketetapan mutlak yang diambil kira dalam jangka masa panjang. Selain itu, golongan wanita kebanyakan masih bekerja dalam persekitaran yang tidak selamat, gaji rendah, dan keadaan pangkat atau status yang rendah, pekerjaan yang tidak mencukupi dan ruang kerja yang terhad (Kushmakar, 2016). Hal ini disokong oleh kajian Chellapan dan Kenayathulla (2019) iaitu terdapat perbezaan yang ketara dalam pendapatan graduan lelaki dan wanita. Pekerjaan yang menawarkan kadar upah yang lumayan pastinya menjadi pilihan utama para graduan untuk memenuhi keperluan yang lebih besar ideal dan selesa dan menjadi faktor dalam pemilihan Kerjaya di kalangan graduan wanita.

Golongan wanita sering kali dilihat sentiasa berhadapan dengan konflik keseimbangan antara keluarga dan kerjaya terutamanya bagi mereka yang telah berumah tangga. Lebih-lebih lagi, rata-rata wanita yang bekerja banyak menghabiskan masa mereka dengan rutin harian yang padat. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu,

sokongan keluarga sangat penting dalam memastikan golongan graduan wanita mampu untuk meneruskan kerjaya yang dipilih berdasarkan pengajian mereka.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Farrah (2021) terhadap graduan wanita di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) zon Sabah mendapati bahawa tahap kesediaan graduan wanita untuk bekerja di tempat di luar kawasan tempat tinggal mempunyai kadar 88.46% bersamaan dengan 161 graduan wanita TVET dan kebanyakan mereka ada menerima tawaran pekerjaan di luar kawasan tempat tinggal. Hal ini membuktikan Lokasi tempat kerja memainkan peranan dalam pemilihan Kerjaya bagi graduan wanita terutamanya dalam bidang TVET

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan menunjukkan bahawa 59.7% graduan wanita FKEE bekerja dalam bidang kejuruteraan, manakala 40.3% bekerja di luar bidang tersebut. Peratusan tinggi graduan dalam bidang kejuruteraan mencerminkan kebolehpasaran graduan wanita dalam industri teknikal dan profesional yang berkaitan dengan kejuruteraan. Walau bagaimanapun, hampir separuh daripada graduan memilih untuk bekerja di luar bidang kejuruteraan, yang mungkin disebabkan oleh minat peribadi, peluang pekerjaan yang lebih baik, atau kurangnya penempatan kerja dalam bidang kejuruteraan di lokasi yang diinginkan.

Hipotesis	Item	Regressi (R ²)	Interpretasi
H1	Pencapaian Akademik - Pemilihan Kerja dikalangan Wanita	.290	Sederhana
H2	Jangkaan Gaji Tidak Selari dengan Tugas - Pemilihan Kerja dikalangan Wanita	.144	Rendah
H3	Sokongan Keluarga- Pemilihan Kerja dikalangan Wanita	.850	Tinggi
H4	Lokasi Tempat Kerja-Pemilihan Kerja dikalangan Wanita	.850	Tinggi

Berdasarkan nilai R² (R-squared) dalam analisis regresi, berikut adalah interpretasi untuk setiap hipotesis:

H1: Pencapaian Akademik → Pemilihan Kerja dalam Kalangan Wanita

Bacaan R² = 0.290 ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik menyumbang 29% kepada variasi dalam pemilihan kerja dalam kalangan wanita. Walaupun ia mempunyai pengaruh yang sederhana, terdapat faktor lain yang turut memainkan peranan dalam keputusan pemilihan kerjaya.

H2: Jangkaan Gaji Tidak Selari dengan Tugas → Pemilihan Kerja dalam Kalangan Wanita

Bacaan R² = 0.144 bersamaan dengan 14.4%, faktor ini mempunyai pengaruh yang agak rendah dalam menentukan pemilihan kerja. Ini bermakna terdapat banyak faktor lain yang lebih dominan dalam keputusan pemilihan kerja wanita.

H3: Sokongan Keluarga → Pemilihan Kerja dalam Kalangan Wanita

Manakala bacaan R² = 0.850 adalah tinggi. Ini menunjukkan sokongan keluarga mempunyai pengaruh yang sangat besar (85%) terhadap pemilihan kerjaya wanita. Ini menunjukkan bahawa keputusan wanita dalam memilih pekerjaan sangat dipengaruhi oleh pandangan dan sokongan daripada keluarga mereka.

H4: Lokasi Tempat Kerja → Pemilihan Kerja dalam Kalangan Wanita

Sama seperti sokongan keluarga, lokasi tempat kerja juga memainkan peranan besar dalam keputusan pemilihan kerja graduan wanita dengan 85% (R² = 0.850) variasi dalam pemilihan kerja dapat dijelaskan oleh faktor ini.

Bagi persoalan kajian yang ketiga iaitu adalah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kebolehpasaran graduan wanita FKEE UTHM mengikut bidang pengajian yang diikuti. Apabila varians adalah dianggap sama, nilai p (*Two-Sided*) ialah 0.020, yang bermaksud ia adalah signifikan pada tahap 0.05. Apabila varians tidak dianggap sama, nilai p (*Two-Sided*) ialah 0.002, yang menunjukkan ia adalah sangat signifikan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan dalam kebolehpasaran di antara dua bidang FKEE UTHM yang diambil dikalangan graduan wanita seperti jadual 4.4.

Jadual 4.4 Rumusan Statistik Kumpulan Mengikut Bidang Pengajian yang ditawarkan di FKEE UTHM.

No	Bidang Pengajian	N	Mean	Std Deviation
1	Bachelor of Electronic Engineering with Honours (BEJ)	138	3.782	0.441
2	Jangkaan Gaji Tidak Selari dengan Tugas - Pemilihan Kerja dikalangan Wanita	58	3.924	0.186

Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara purata dua kumpulan, tidak kira sama ada varians dianggap sama atau tidak. Selain itu, julat keyakinan untuk kedua-dua kes menunjukkan bahawa perbezaan tersebut tidak merangkumi nilai sifar, yang mengukuhkan lagi bukti bahawa perbezaan tersebut adalah signifikan. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor (Jadual 4.4) antara program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian (BEJ) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian (BEV). Purata skor bagi pelajar BEJ adalah 3.7826 dengan sisihan piawai (SD) sebanyak 0.44195, manakala purata skor bagi pelajar BEV adalah lebih tinggi, iaitu 3.9241 dengan sisihan piawai 0.18667. Keputusan ujian T dalam jadual 4.5 menunjukkan nilai $t(196) = -2.350$ dengan nilai signifikan $p = 0.020$, yang berada di bawah tahap signifikan biasa 0.05.

No	Pembolehubah	t	df	two sided=p
1	Bidang Pengajian FKEE, UTHM	-2.350	196	0.020

Ini bermakna perbezaan skor purata antara kedua-dua program adalah signifikan secara statistik. Dalam konteks ini, nilai p yang kurang daripada 0.05 menunjukkan bahawa perbezaan antara purata skor pelajar BEJ dan BEV tidak berlaku secara kebetulan, tetapi adalah relevan secara statistik. Dengan kata lain, perbezaan ini mencerminkan variasi yang bermakna antara kedua-dua kumpulan, bukan hanya variasi rawak. Sisihan piawai juga memberikan maklumat penting tentang sejauh mana skor pelajar dalam setiap program berbeza daripada purata. Pelajar BEV menunjukkan sisihan piawai yang lebih kecil (0.18667), yang mencadangkan bahawa skor mereka lebih konsisten berbanding pelajar BEJ. Kesimpulannya, terdapat bukti kukuh bahawa pelajar BEV mempunyai skor yang lebih tinggi secara signifikan berbanding pelajar BEJ dalam keadaan ini.

4. Kesimpulan

Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan Sokongan keluarga dan lokasi tempat kerja didapati mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan pemilihan kerjaya graduan wanita, menunjukkan kepentingan utama kedua-dua faktor ini dalam keputusan mereka.

Penemuan ini menekankan bahawa faktor sosial seperti sokongan keluarga dan lokasi lebih berperanan dalam menentukan hala tuju kerjaya graduan wanita berbanding faktor individu seperti pencapaian akademik. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai cabaran dan peluang yang dihadapi oleh graduan wanita FKEE UTHM dalam pasaran pekerjaan. Implikasi daripada kajian ini diharap dapat membantu pihak universiti, majikan, dan pembuat dasar dalam merangka strategi yang lebih berkesan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan wanita UTHM dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi

Rujukan

- Wanita, O. G. T. K. (2021). The impact of psychological well-being, employability and work-life balance on organizational mobility of women engineering technology graduate. *Jurnal Pengurusan*, 63, 99-113.
- Ros, F. S. C., Yusri, S. Y. S. M., Yusof, M. R. M., & Nazren, A. R. A. (2021). Kebolehpasaran graduan wanita TVET ILJTM Zon Sabah dalam pemilihan kerjaya. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(3), 44-57
- Panatik, S. A., Ali, A. M., Saat, M., Saleh, N. S., & Rahim, S. A. (2020). Sokongan sosial di tempat kerja dan kesihatan mental wanita berkerjaya. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Rahmayati, T. E. (2021). Keseimbangan kerja dan kehidupan (work life balanced) pada wanita bekerja. *Juripol (Jurnal Institusi Politeknik Ganesha Medan)*, 4(2), 129-141.
- Ross, M. S., Huff, J. L., & Godwin, A. (2021). Resilient engineering identity development critical to prolonged engagement of Black women in engineering. *Journal of Engineering Education*, 110(1), 92-113.
- Sahari, S. H., Budin, H., Ismailly, N., Johari, A., & Perreau, M. E. (2023, November). Peranan Persatuan Wanita Dalam Pembangunan Insan. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045 (Vol. 14, pp. 59-65)*.